



KHALIL Sabu wakil kolej Indah Permai menyampaikan pandangan pada dialog itu sementara gambar bawah menunjukkan Kamaruzaman bersalaman dengan Herry Anto Hasanuddin Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS KAL sambil diiringi Dr. Kasim.

KAMARUZAMAN menyampaikan ucapan di Majlis Dialog Bersama MPP.

## Pelajar perlu tingkat kualiti diri, kata Kamaruzaman

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah sentiasa menitik berat kebajikan pelajar semasa mereka menuntut di institusi ini, kata Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Katanya, golongan pelajar perlu memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan demi meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan dengan lebih bersungguh dan cemerlang dalam segala bidang akademik yang diikuti, di samping pembangunan sahsiah diri.

"Adalah menjadi tanggungjawab UMS untuk melahirkan pelajar yang berwibawa, inovatif, mempunyai ilmu dan kemahiran yang khusus dan seimbang," katanya ketika Majlis Dialog bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/2010 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Katanya, "Adalah menjadi kewajiban pelajar untuk memiliki semangat jati diri, beretika dan berakhlak mulia serta mematuhi segala peraturan-peraturan dan akta universiti.

"Sebagai pelajar seharusnya tidak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif atau perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan memesongkan matlamat pengajian sambil mengingatkan pelajar akan sumbangan dan pengorbanan yang diberikan keluarga selama ini, di samping mengharapkan kejayaan yang berterusan dalam bidang akademik," katanya.

Menurutnya, pelajar harus memiliki nilai-nilai murni, menghormati ibu bapa, pensyarah, kakitangan dan rakan pelajar, selain menerima pandangan dan kritikan yang membina bagi melengkapkan diri dalam mengharungi cabaran persekitaran globalisasi masa kini.

"Sebagai universiti awam ke 9 ditubuhkan di negara ini UMS akan sentiasa membangunkan kampus dan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk kepentingan pelajar. Begitu juga dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, peralatan canggih dan moden terutama makmal sains, kejuruteraan, komunikasi dan multi media, komputer dan makmal bahasa akan dipertingkatkan seiringan dengan keperluan masa kini," katanya.

Menyentuh mengenai ketiadaan air di UMS-KAL (Kampus Labuan) seperti yang dilaporkan, pihak pengurusan universiti telah

mengambil langkah positif dan tindakan wajar telah dilakukan dengan menyediakan beberapa set pam untuk mengapam air ke tangki-tangki takungan dan membekalkan air bersih ke setiap blok kolej kediaman pelajar.

Dalam masa yang sama katanya pengurusan universiti akan memantau secara serius dari masa ke semasa bagi memastikan bekalan air bersih mencukupi untuk keperluan pelajar keseluruhannya.

Kamaruzaman berkata pihak universiti juga bersetuju akan memanjangkan waktu penggunaan Mega Lab, perpustakaan UMS-KAL untuk menyenangkan pelajar membuat ulangkaji dan penggunaan ICT.

Dalam majlis dialog itu, Naib Canselor juga mengucapkan tahniah kepada majlis pemimpin pelajar (MPP) kerana berani menerima cabaran dan dugaan untuk terus memimpin pelajar UMS yang kini mencecah kepada 15000 orang pelajar.

Beliauberkata mereka juga sebagai agen perantara pelajar dengan pengurusan universiti dalam menyuarakan pelbagai isu kebajikan dan perkara yang berhubung kait dengan pembangunan sahsiah pelajar.

Naib Canselor itu juga berpuas hati dengan soalan yang bernas dan relevan yang diajukan kepada pengurusan utama universiti demi kebaikan bersama dalam memajukan universiti Malaysia Sabah "kampus ceria" ini.

Sementara itu, Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Prof Madya Dr. Kasim Hj. Mansur peranan sebagai pelajar adalah penting untuk menanamkan dan membangunkan diri yang berketerampilan, di samping berdaya saing, membina kepribadian dan mempunyai akhlak mulia.

Katanya, "sebarang kemusykilan dan permasalahan yang timbul di kalangan pelajar seharusnya dimaklumkan ke Jabatan HEP. Ini selaras dengan objektif Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu, mengurus, mengatur dan mengawal selia semua kegiatan yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah serta kebajikan pelajar.

Majlis Dialog anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diadakan dalam tempoh dua



BARISAN kepimpinan MPP sesi 2009/2010 bergambar kenangan.

bulan sekali merupakan medan untuk pelajar menyuarakan permasalahan dan cadangan.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa Prof Dr. Amran Ahmed, Pendaftar Universiti, Encik Abdullah Mohd. Said, Bendahari Universiti Haji Rizal Othman, ketua Pustakawan, Puan Dayang

Rukiah Ag. Amit, Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Sharif A.K Omang, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar En Darwis Awang selaku pengerusi penganjur Majlis Dialog dan pegawai-pegawai HEPA dan para pengetua-pengetua kolej kediaman. -OLEH ISMAIL ALI JS